

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH :
SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Poliklinik Oya di Sibu akan diperluas atau dinaik taraf memandangkan kawasan poliklinik agak tidak mencukupi setakat ini dan apakah pendekatan Kementerian untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang sedia ada serta langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan masa menunggu.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Jalan Oya, Sibu merupakan klinik kesihatan Jenis 3, yang menawarkan perkhidmatan kesihatan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, perkhidmatan farmasi, makmal, xray, fisioterapi serta rehabilitasi. Populasi dalam kawasan operasi adalah 185,000 orang dengan purata kedatangan harian pesakit ke klinik seramai 1,096 orang.

Buat masa ini, tiada perancangan untuk menaik taraf klinik ini memandangkan keluasan tapak tidak mengizinkan.

KKM akan terus berusaha memperbaiki sistem penyampaian kesihatan dan menambah kemudahan tertakluk kepada keupayaan kerajaan. Antara strategi yang digunapakai bagi memastikan pesakit luar boleh mendapatkan rawatan dengan kadar lebih cepat adalah dengan melaksanakan sistem temujanji secara berperingkat (staggered appointment system). Melalui pelaksanaan sistem temujanji

berperingkat ini, setiap pesakit akan diberikan temujanji mengikut masa yang ditetapkan. Kami berharap setiap pesakit memberikan kerjasama dalam mematuhi temujanji yang diberikan bagi memastikan pelaksanaan sistem temujanji ini berjaya dilaksanakan.

Terdapat juga klinik-klinik yang telah dibina di Daerah Sibul iaitu Klinik Kesihatan Jalan Lanang dan Klinik Kesihatan Sibul Jaya bagi mengurangkan beban pesakit di Klinik Kesihatan Oya. Klinik Kesihatan Jalan Lanang (Jenis 3) yang beroperasi sejak 1990 dengan kedatangan pesakit 574 sehari telah menyediakan perkhidmatan pesakit luar, kesihatan ibu dan anak termasuk pergigian, farmasi, X-ray dan makmal. Klinik Kesihatan Sibul Jaya, Jenis 3 pula merupakan klinik yang baru dibina akan beroperasi pada 12 Mei 2016 juga menyediakan skop perkhidmatan yang sama.

Di samping itu, terdapat 5 buah Klinik 1Malaysia (K1M) telah dibina dan beroperasi di sekitar klinik ini iaitu K1M Taman Rejang, K1M Bandong, K1M UTC Sibul, K1M Sg Bidut dan K1M Teku. Kesemua Klinik 1 Malaysia kecuali K1M Sg Bidut mempunyai perkhidmatan pegawai perubatan dan kesemuanya menawarkan perkhidmatan kesihatan Jabatan Pesakit Luar dan Kesihatan Ibu dan Anak. Dengan adanya pegawai perubatan, pengurusan penyakit tidak berjangkit mula diperkembangkan di Klinik 1Malaysia di mana pesakit stabil yang menghadapi penyakit tidak berjangkit seperti diabetes mellitus dan hipertensi boleh mendapatkan rawatan susulan di fasiliti ini dan dapat mengurangkan kesesakan di Klinik Kesihatan Oya. Oleh itu, penduduk setempat mempunyai alternatif untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik 1Malaysia ini.